



MOHD Zuki mengambil bahagian secara langsung dalam acara menembak, semalam.

30 wakil media sertai cabaran menembak

Kuala Lumpur: Kira-kira 30 wakil media mengambil bahagian dalam Cabaran Menembak KSN (Ketua Setiausaha Negara) dan Media 2020 di Kelab Menembak Sasaran Shapadu, Presint 20, Putrajaya, dekat sini, semalam.

Program yang bermula

seawal jam 7.30 pagi itu menyaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali mengambil bahagian secara langsung dalam acara terbabit.

Dalam satu kenyataan dikeluarkan Jabatan Perdana Menteri (JPM), pertandingan menembak itu bertu-

juan membina saluran komunikasi terbuka antara organisasi kerajaan dan media dalam bertukar pandangan masing-masing.

“Acara turut disertai beberapa pemimpin utama organisasi kerajaan antaranya Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani

Abdullah Sani dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM, Datuk Mohd Sallehuddin Hassan.

“Program anjuran pejabat KSN ini juga menyasar hubungan akrab dan kerjasama baik antara kedua-dua pihak,” demikian menurut kenyataan itu.